



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KEWANGAN

**SUMBANGAN TUNAI RAHMAH 2024: KERAJAAN TINGKATKAN BAYARAN FASA 1
SEHINGGA RM500**

Peruntukan melonjak 26% ke RM2.1 bilion untuk 8.2 juta rakyat

Kerajaan telah menaikkan **bayaran Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa 1 sehingga RM500 kepada isi rumah** berbanding bayaran maksimum sebanyak RM300 pada tahun lalu. Dengan ini, **peruntukan bagi Fasa 1 telah bertambah sebanyak 26% kepada RM2.1 bilion** daripada RM1.67 bilion pada tahun lepas dalam usaha untuk membantu sebilangan besar rakyat menangani peningkatan kos sara hidup¹.

“Setiap kali saya ketemu rakyat, perihal utama diutarakan adalah beban kos sara hidup yang kian meningkat lebih deras daripada pendapatan. Saya akur akan keperitan ini, justeru Kerajaan giat berusaha untuk memastikan bantuan Kerajaan dapat dipertingkatkan dengan lebih ketara agar masalah asas ini dapat dileraikan dan tiada rakyat dibelakang di bawah pentadbiran Kerajaan MADANI,” kata Perdana Menteri dan Menteri Kewangan YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Mulai Isnin, 29 Januari 2024, pembayaran STR Fasa 1 untuk penerima yang berdaftar di dalam pangkalan data STR akan dikreditkan ke dalam akaun bank mereka atau disalurkan secara tunai melalui Bank Simpanan Nasional (BSN) secara berperingkat² mengikut kategori kelayakan STR masing-masing³.

“Selaras dengan pendekatan Ekonomi MADANI untuk ‘meninggikan lantai’ dari segi kualiti hidup rakyat, Kerajaan akan mengutamakan dan memastikan isi rumah berpendapatan rendah terus diberi bantuan sewajarnya. Kerajaan MADANI sentiasa peka kepada keluhan rakyat dan akan terus menambahbaik STR dalam usaha membantu rakyat dalam mendepani cabaran kos sara hidup,” kata YAB Dato’ Seri Anwar Ibrahim.

Setakat ini, seramai 8.2 juta individu yang layak telah berdaftar untuk STR 2024. Walau bagaimanapun angka ini dijangka naik ke hampir 9 juta bagi tahun ini mengambil kira proses permohonan baharu dan kemas kini dibuka sepanjang tahun, berbanding setahun sekali sebelum ini.

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran

Sekiranya nama pemohon tiada dalam pangkalan data STR, mereka perlu membuat permohonan bagi membolehkan proses verifikasi mengikut kategori kelayakan STR dimuktamadkan.

Semakan status kelayakan STR dan soalan lazim (FAQ) boleh didapati di Portal Rasmi STR, melalui pautan <https://bantuantunai.hasil.gov.my> atau <https://manfaat.mof.gov.my/>.

Orang awam dinasihatkan agar sentiasa berwaspada dengan pautan yang tidak sah oleh pihak tidak bertanggungjawab bagi merujuk informasi mengenai program STR.

Kementerian Kewangan
Putrajaya
26 Januari 2024

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran

Lampiran

1. Perbandingan pembayaran STR Fasa 1 tahun 2023 serta tahun 2024 seperti berikut:

Kategori Penerima	STR 2023		STR 2024	
	Kadar Bayaran Fasa 1	RM bilion	Kadar Bayaran Fasa 1	RM bilion
Isi Rumah (\leq RM2,500)	RM300	0.9	RM500	1.4
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	RM300	0.3	RM100-RM300	0.2
Warga Emas Tiada Pasangan	RM100	0.12	RM150	0.2
Bujang	RM100	0.35	RM100	0.3
Jumlah	-	RM1.67 bilion	-	RM2.1 bilion

2. Pembayaran STR Fasa 1 akan disalurkan secara berperingkat seperti berikut:

Jenis Penerima	Tarikh Pembayaran	Kaedah Pembayaran
Mempunyai akaun bank	29 Januari 2024 – 2 Februari 2024	Dikreditkan terus ke dalam akaun bank.
Tiada akaun bank (termasuk di Sabah dan Sarawak)	Mulai 29 Januari 2024	Pembayaran secara tunai melalui cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN).

3. Pembayaran STR Fasa 1 mengikut kategori kelayakan masing-masing seperti berikut:

Kategori Penerima	Jumlah Penerima	Kadar Bayaran STR Fasa 1	Implikasi Kewangan (RM bilion)
Isi Rumah (\leq RM2,500)	2.8 juta	RM500	1.4
Isi Rumah (RM2,501-RM5,000)	1.0 juta	RM100-RM300	0.2
Warga Emas Tiada Pasangan	1.3 juta	RM150	0.2
Bujang	3.1 juta	RM100	0.3
Jumlah	8.2 juta	-	RM2.1 bilion

¹ Sila rujuk Jadual di Lampiran

² Sila rujuk Jadual di Lampiran

³ Sila rujuk Jadual di Lampiran